

UNIT 14: Sayangi Malaysia

• Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

DSKP TATABAHASA

Buku Teks: m.s. 107 - 108

Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai. DSKP: SP5.2.3(i, ii)

KBAT Mengaplikasi



Pautan Digital

Kata Ganda Penuh dan Kata Ganda Separa



onde-onde
Sesekali
Harimau-harimau
buah-buahan
kehitam-hitaman
rakan-rakan
berhati-hati
tertanya-tanya
berjalan-jalan
oleh-oleh
jejantas
Kandang-kandang

Pada cuti sekolah yang lalu, Hakim dan keluarganya (1) berjalan-jalan di Pahang. Hakim (2) tertanya-tanya tempat menarik yang ada di Pahang. Namun begitu, dia tidak mahu mengganggu tumpuan ayahnya, Encik Fatahul, yang sedang memandu.

Semasa dalam perjalanan, mereka berhenti sebentar di Hentian Rehat dan Rawat Sungai Buloh. Hentian ini terkenal kerana terletak di atas sebuah (3) . Mereka bersarapan di situ. Hakim hanya makan kuih (4) untuk mengalas perut.

Sepanjang perjalanan dari Genting Sempah, Encik Fatahul memandu kereta dengan (5) . Jalan raya di situ agak berbahaya kerana bentuk muka buminya yang berbukit bukau. (6) , matanya memandang penjual (7) tempatan yang menjaja di tepi jalan. Buah yang dijual antaranya termasuklah durian, manggis, dan rambutan.

Selepas tiga jam perjalanan, mereka sampai di Pusat Pemuliharaan Harimau Kebangsaan di Lanchang. Pusat pemuliharaan itu mempunyai 32 buah kandang. Setiap kandang menempatkan harimau mengikut umur harimau yang berbeza. (8) ini dilengkapi pagar setinggi enam meter bagi tujuan keselamatan.

(9) itu akan dibiakkan sebelum dilepaskan ke habitat asal mereka.

Spesies yang menjadi tumpuan ialah Harimau Malaya. Harimau ini menjadi simbol negara dan dilukis pada Jata Negara. Harimau yang diancam kepupusan ini hanya terdapat di Semenanjung Malaysia. Corak

(10) belangnya tidak sama antara setiap harimau.

Sebelum beredar, Hakim membeli beberapa utas rantai kunci sebagai (11) untuk (12) sekelasnya. Baginya, kesedaran untuk memelihara hidupan liar ini terletak pada bahu masyarakat.

UNIT 15: Keranamu Malaysia

• Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

DSKP TATABAHASA

Buku Teks: m.s. 114

Isi tempat kosong dengan kata ganda berentak yang sesuai. DSKP: SP5.2.3(iii) **KBAT** Mengaplikasi

Kata Ganda Berentak



keluh-kesah
ipar-duai

lekak-lekuk
segar-bugar

warna-warni
saudara-mara

simpang-siur
hiruk-pikuk

mundar-mandir
calar-balar



Mak Long Ani memandang awan-gemawan di sebalik tingkap kapal terbang itu. Indah terbentang bukit bukau di daratan. Beberapa orang pramugari (1) _____ mundar-mandir sambil memastikan semua penumpang memakai tali pinggang keledar. Kapal terbang itu akan mendarat sebentar lagi.

Akhirnya, Mak Long Ani tiba di tanah air. (2) _____ Keluh-kesah _____nya yang sangat merindui tanah tumpah darahnya kini terubat. Beliau berasa kagum apabila melihat kemajuan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang kelihatan lebih besar daripada Lapangan Terbang Heathrow di London.

Mak Cik Ani menempah teksi untuk pulang ke rumah ibu bapanya. Beliau tidak sabar untuk lari daripada (3) _____ kota. Jalan raya di Kuala Lumpur yang mempunyai banyak (4) _____ dan (5) _____ akibat pembangunan pesat tidak begitu disukai olehnya.

Ketika teksi menghampiri kampungnya, beliau terpandang sebuah vila di tepi sungai. Di situlah beliau pernah memasang lukah untuk menangkap ikan air tawar yang (6) _____. Ketika itu kawasan tersebut masih dipenuhi semak samun. Kaknya (7) _____ setiap kali melalui kawasan semak samun itu untuk ke sungai.

Mak Long Ani tiba di rumah ibu bapanya. (8) _____nya menyambut kepulangannya. Beliau diperkenalkan kepada (9) _____nya yang hanya dikenali melalui gambar sebelum ini. Kepulangannya kali ini muktamad. Setelah 15 tahun berada di rantau orang untuk menuntut ilmu sehingga bergelar profesor, beliau tekad untuk menabur khidmat bakti di bumi tercinta, Malaysia. Namun begitu, (10) _____ kehidupannya sepanjang hidup di perantauan tidak akan dilupakannya.